

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian akan memantau dan memastikan penganjur sesebuah program benar-benar mematuhi garis panduan hiburan baharu yang dikeluarkan oleh JAKIM memandangkan garis panduan tersebut lebih terperinci dan memberi penekanan khusus berhubung panduan penampilan artis dan penganjuran sesebuah program hiburan.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Garis Panduan Hiburan Dalam Islam telah diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2007. Garis Panduan Hiburan Dalam Islam (Edisi Kedua) 2015 pula adalah penambahbaikan

terhadap Garis Panduan terdahulu. Ianya adalah sebagai panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menyediakan hiburan di negara ini supaya menepati kehendak Islam, termasuklah penganjur, penonton dan lain-lain. Ia bukan dalam bentuk peraturan dan undang-undang. Objektif Garis Panduan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) memberi panduan kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti dan industri hiburan untuk berkarya tanpa melepasi batasan syarak;
- (ii) membantu para penganjur dan pihak penerbit dalam menyusun atur program yang mengandungi aspek hiburan sejajar dengan didikan Islam dengan mengambil kira keperluan masyarakat, bangsa, agama dan negara;
- (iii) membantu pihak berkuasa untuk memastikan penganjuran program hiburan dalam bentuk tontonan terpinpin kepada masyarakat secara umumnya berteraskan akidah, syariah dan nilai-nilai akhlak; dan
- (iv) memupuk kefahaman di kalangan masyarakat awam mengenai bentuk hiburan yang dianjurkan dalam Islam.

Oleh yang demikian, matlamat garis panduan ini adalah untuk mewujudkan satu bentuk pelaksanaan dan amalan hiburan yang sihat serta tidak bercanggah dengan Islam. Langkah ini sejajar dengan prinsip menjaga agama yang terkandung dalam maqasid syariah yang menjadi teras dalam

pentadbiran negara oleh Kerajaan. Justeru, semua pihak yang terlibat dalam industri hiburan sewajarnya mematuhi garis panduan ini walaupun ia bukan bersifat undang-undang atau peraturan yang boleh dikuatkuasakan.

Sehubungan ini, Kerajaan melalui JAKIM dan juga Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri akan mengambil pendekatan dalam bentuk memberi nasihat dan pandangan kepada pihak yang bersedia untuk menerima pakai garis panduan ini, termasuklah penganjur dan para artis yang terlibat dalam sesuatu program hiburan. Sekali lagi ditegaskan bahawa Garis Panduan Hiburan ini adalah sebagai panduan umum dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dengan industri hiburan dan ianya bukan bersifat undang-undang

Sekian, terima kasih.